

IMPLIKASI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KESAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KESEJAHTERAAN KOMUNITI PULAU: SUATU TINJAUAN LITERATUR

IMPLICATIONS OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER AGAINST TRANSMISSION EFFECT OF COVID-19 PANDEMIC TO THE WELL- BEING OF ISLAND COMMUNITIES: A REVIEW OF LITERATURE

Jabil Mapjabil¹, Nor-ina Kanyo², Rosazman Hussin³, Badariah Ab. Rahman⁴, Abentin Estim⁵, Datu Razali Datu Eranza⁶, Abdul Hamid Abdul Rahim⁷,
Mohd. Halipah Jetendra⁸

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: norina@ums.edu.my)

³Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: azzs@ums.edu.my)

⁴Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: badariah_abrahaman@ums.edu.my)

⁵Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: bentin@ums.edu.my)

⁶Fakulti Peniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: drde@ums.edu.my)

⁷Jabatan Perancangan, Penyelidikan & Inovasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah
(E-mel: mid1160@yahoo.com)

⁸Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: mohdhalipah@gmail.com)

Article history

Received date : 25-8-2020
Revised date : 26-8-2020
Accepted date : 23-10-2020
Published date : 25-10-2020

To cite this document:

Jabil Mapjabil, Nor-ina Kanyo, Rosazman Hussin, Badariah Ab Rahman, Abentin Estim, Datu Razali Datu Eranza, Abdul Hamid Abdul Rahim & Mohd. Halipah Jetendra (2020). Implikasi perintah kawalan pergerakan kesan penularan pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan komuniti pulau: Suatu tinjauan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 108 – 120.

Abstrak: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kesan penularan pandemik COVID-19 memberikan impak terhadap kesejahteraan penduduk dan ekonomi di Malaysia. Di Sabah, arahan PKP termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikuatkuasakan sehingga 31 Disember 2020 ini didapati mempengaruhi kesejahteraan penduduk termasuklah komuniti pulau dari aspek kesihatan, ekonomi dan sosial. Sehingga hari ini, kajian tentang impak penularan pandemik COVID-19 dari bidang sains sosial masih kurang dan terhad. Artikel ini adalah berdasarkan

tinjauan awal dan sorotan literatur tentang impak perintah kawalan pergerakan terhadap kesejahteraan komuniti pulau. Suatu kajian sedang dijalankan yang melibatkan empat pulau iaitu Pulau Gaya di Kota Kinabalu, Pulau Mantanani di Kota Belud, Pulau Sakar di Lahad Datu dan Pulau Selakan di Semporna. Justeru, diharapkan dapatan kajian itu nanti bakal menyumbang terhadap dokumentasi tentang sejauh mana pelaksanaan PKP sepanjang penularan COVID-19 mempengaruhi kesejahteraan komuniti pulau di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Kata Kunci: *Implikasi, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kesejahteraan, Komuniti Pulau*

Abstract: *The implementation of the Movement Control Order (PKP) against the transmission of COVID-19 pandemic has had impacts to the well-being of the population and the economy in Malaysia. In Sabah, MCO directives including the Conditional Movement Control Order (CMCO) and the Rehabilitation Movement Control Order (RMCO) which is being enforced until 31 December 2020 were found to affect the well-being of the island communities in the aspects of health, economy and social. To date, studies on the impact of the COVID-19 pandemic transmission from the social sciences are still scarce and limited. This article is based on a preliminary survey and literature review of the impact of movement control orders on the well-being of island communities. A study is being conducted involving four islands namely Gaya Island in Kota Kinabalu, Mantanani Island in Kota Belud, Sakar Island in Lahad Datu and Selakan Island in Semporna. Therefore, it is hoped that the findings of the study will contribute to the documentation on the extent to which the implementation of MCO during the transmission of COVID-19 affects the well-being of the island community in Sabah in particular and Malaysia in general.*

Keywords: *Implications, Movement Control Order (MCO), Well-being, Island Communities*

Pengenalan

Pada akhir tahun 2019, sejenis virus iaitu Novel coronavirus SARS-CoV-2 telah menyebabkan penularan wabak baharu yang dikenali sebagai coronavirus disease-2019 (dan kemudiannya dikenali sebagai COVID-19) yang kini merebak secara pesat di seluruh dunia. Pada 11 Mac 2020, wabak COVID-19 telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pandemik. Menurut Jio Zhao et al., (2020), kajian dan penelitian klinikal terkini mendapati faktor umur yang lanjut, jantina lelaki dan mereka yang menghidap penyakit kronik (seperti darah tinggi, penyakit buah pinggang dan kencing manis) dilihat berisiko untuk terkena jangkitan SARS-Cov-2. Setakat ini, belum ada *biological marker* yang boleh meramal kerentanan terhadap wabak COVID-19.

Di Malaysia, wabak COVID-19 mula dikesan pada 23 Januari 2020 lalu apabila lapan orang warga China yang tiba bersama seorang yang positif COVID-19 di Singapura telah dikuarantin di sebuah hotel di Johor. Program ijtimaik tabligh yang dianjurkan di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac 2020 yang melibatkan 16,000 orang peserta turut menjadi sumber penularan wabak COVID-19 di Malaysia apabila seorang daripada peserta kluster tabligh berkenaan mula dikesan positif COVID-19 pada 11 Mac. Sejak dari itu, bilangan kes positif COVID-19 terus meningkat di seluruh Malaysia. Hal ini mendorong kerajaan Malaysia melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 selama

14 hari yang kemudiannya dilanjutkan selama dua minggu lagi sehingga 14 April 2020. Kini, PKP telah memasuki fasa pemulihan sehingga 31 Disember 2020. Sehubungan dengan itu, perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 15 Oktober 2020 menunjukkan kes positif COVID-19 telah mencecah 18,129 orang dengan 141 kematian.

Epidemik

Epidemik ialah wabak penyakit berjangkit yang mudah merebak dalam kalangan penduduk di sesuatu kawasan pada waktu yang sama. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia - WHO (2011), “epidemik ialah wabak yang berlaku dalam komuniti atau sesebuah wilayah yang menyebabkan penyakit, iaitu suatu tingkah laku berkaitan dengan kesihatan yang khusus atau suatu kejadian yang berkaitan dengan aspek kesihatan yang lain yang jelas melebihi daripada tahap normal”. Komuniti atau wilayah yang terlibat dengan wabak penyakit yang berlaku dalam tempoh masa yang khusus secara serentak. Bilangan kes menunjukkan penularan epidemik adalah pelbagai bergantung kepada agen, saiz dan kelompok penduduk yang terdedah dengan wabak berkenaan. Ringkasnya, sesuatu wabak penyakit yang mempamerkan rekod perubahan yang besar antara tahunan boleh dianggap sebagai epidemik. Contoh penyakit epidemik di Malaysia ialah wabak virus nipah yang merebak dalam kalangan komuniti di daerah Kinta, Perak pada tahun 1998.

Endemik

Endemik ialah wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu, termasuklah dalam skop yang lebih besar seperti sebuah negara. Oleh kerana sifat wabak penyakit sentiasa menjadi ancaman masyarakat tertentu, beberapa penyakit dikategorikan sebagai kategori endemik. Puncak wabak ini umumnya dikaitkan dengan pergolakan sosial, perang serta krisis ekonomi yang tidak menentu (termasuk kekurangan sumber) (Tony et al., 2008). Endemik paling popular adalah penyakit malaria yang kerap menyerang beberapa wilayah di benua Afrika. Tiga negara dalam dunia yang merekodkan endemik paling tinggi adalah Republik Congo, Madagascar dan Peru. Di Congo, mereka diancam penyakit demam kuning dan malaria, di Madagascar pula adalah wabak bubonik yang sangat berbahaya sementara Peru pula berdepan dengan wabak demam kuning, malaria dan demam denggi.

Pandemik

Pandemik ialah epidemik penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia menyeberangi kawasan luas, bukan sahaja merangkumi sesebuah benua, malah boleh merebak di seluruh dunia. Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua malah seluruh dunia. Pandemik berlaku di kawasan yang sangat luas dan biasanya mempengaruhi sebahagian besar populasi dan tersebar atau berlaku secara meluas di seluruh wilayah, negara, benua atau global (Morens et al., 2009). Sesuatu pandemik bermula daripada wabak peringkat epidemik yang merebak terlalu luas sehingga tidak terkawal. Pada dekad terakhir ini, beberapa pandemik mula menular di seluruh dunia seperti HIV, ebola, Influenza H1N1 dan SARS. Ringkasnya, apabila sesuatu wabak itu berada pada peringkat endemik dan menyerang satu negara misalnya, tetapi berada dalam keadaan terkawal maka wabak itu tidak dikategorikan sebagai satu pandemik. Endemik adalah wabak yang wujud dan terkawal, sementara pandemik pula merebak pantas tanpa dapat dikawal yang menyebabkan kematian ratusan ribu penduduk.

Wabak COVID-19 Sebagai Satu Pandemik

Sejarah penularan virus COVID-19 bermula pada penghujung tahun 2019. Pada 31 Disember 2019, pihak berkuasa negara China telah melaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang penebaran penyakit radang paru-paru (*pneumonia*) yang puncanya tidak diketahui di bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China. Pada peringkat permulaan fasa, kebanyakan kes daripada kluster awal ada hubungan epidemiologikal dengan pasar menjual haiwan hidup iaitu di Pasar Huanan, China Selatan yang disyaki kemungkinan punca asal zoonotik tersebut (World Health Organization, 2020). Walau bagaimanapun, sumber yang tepat tentang virus berkenaan belum diketahui. Jangkitan daripada kluster keluarga serta pekerja penjagaan kesihatan disahkan punca berlakunya jangkitan dari manusia kepada manusia, namun mod sebenar penebaran jangkitan itu masih belum jelas.

Penularan virus wabak COVID-19 diramal meningkat memandangkan lebih tiga bilion perjalanan penumpang dijangka akan berlaku dalam tempoh antara 10 Januari hingga 18 Februari (CGTN, 2020). Wuhan adalah sebuah bandar yang dihuni oleh lebih 11 juta orang penduduk dan dihubungkan dengan bandar lain di China melalui jaringan keretapi berkelajuan tinggi dan penerbangan komersial yang kerap. Malah, majoriti perjalanan udara melalui Wuhan adalah perjalanan domestik (jika dirujuk berdasarkan 87.2% tempahan tiket pada Januari 2017). Bandar ini turut dihubungkan dengan perjalanan antarabangsa sama ada melalui penerbangan secara langsung atau tidak langsung (Bogoch et al., 2020).

Pada awalnya, novel coronavirus (2019-nCoV) adalah kes terpencil yang dihadapi oleh pesakit pada 7 Januari 2020 (Tan et al., 2020). Wabak novel coronavirus 2019 (yang kini dikenal sebagai COVID-19) telah meningkat dengan pesat, malah kes ini turut menular ke bandar lain di China dan lain-lain negara (sejak 23 Januari 2020) (Jonathan et al., 2020). Pada 29 Februari 2020, wabak COVID-19 telah merebak ke 60 negara. Sehubungan dengan itu, dalam tempoh 30 Januari hingga 12 Mac 2020, carian di Google mendapati beberapa nama dikaitkan dengan virus yang menyebabkan pandemik ini. Antaranya *SARS-CoV-2*, *COVID-19*, *2019-nCoV*, *Novel Coronavirus Pneumonia*, *novel pneumonia*, *novel coronavirus*, *Wuhan pneumonia*, *Wuhan coronavirus*, *China coronavirus*, *China pneumonia* dan *Chinese coronavirus* (Tan et al., 2020). Pada 12 Januari 2020, WHO mengemukakan cadangan menamakan wabak ini dengan nama 2019 novel coronavirus disease “2019-nCoV”. Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China pula memutuskan buat sementara waktu mengelarkannya sebagai penyakit “Novel Coronavirus Pneumonia” atau NCP pada 7 Februari lalu. Sehingga 15 Oktober 2020, wabak penyakit COVID-19 telah merekodkan sebanyak 39,573,043 kes positif dengan 1,109,070 kes kematian di seluruh di dunia. Dengan ini, wabak COVID-19 adalah pandemik yang bukan sahaja mengancam kesihatan penduduk global malah menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan menghadkan aktiviti sosial.

Konsep Kesejahteraan dan Komuniti Pulau

Konsep kesejahteraan membawa maksud yang pelbagai mengikut konteks. Menurut Chua Bee Seok et al. (2018), pengukuran kesejahteraan hidup sesebuah bangsa dilihat sebagai suatu yang tidak mutlak. Hal ini disebabkan kepelbagaian bangsa yang wujud di dunia memiliki perbezaan yang tersendiri dalam menentukan aras kesejahteraan melalui persekitaran dan gaya hidup masing-masing. Kesejahteraan komuniti saling berhubung kait dengan kualiti hidup komuniti tersebut. Semakin tinggi kualiti hidup maka semakin meningkat aras kesejahteraan komuniti. Sarjana Barat seperti Freidlander pula mengaitkan konsep kesejahteraan dengan aspek

kesejahteraan sosial. Kesejahteraan sosial adalah suatu program yang didasari oleh kerangka pemikiran ilmiah dalam memenuhi keperluan asas manusia (Anggraeni, 1996). Aspek kesejahteraan turut dinilai dengan sifat materialistik yang dilihat melalui pancaindera manusia. Pembangunan yang pesat, sistem pengangkutan yang serba canggih dan kemajuan dalam aspek perkhidmatan dan pembuatan adalah antara petunjuk aspek kesejahteraan dalam komuniti.

Menurut Midgley (1995), kesejahteraan komuniti ditentukan oleh tiga aspek, iaitu pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan peluang mobiliti sosial dalam masyarakat. Dengan adanya ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini, pembangunan masyarakat lebih berdaya saing dan dapat meningkatkan kualiti hidup melalui persekitaran yang kondusif. Selain itu, ahli komuniti bebas untuk membangunkan potensi diri, terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan dan memberi sumbangan kepada komuniti secara keseluruhannya (Adriaansens, 1994).

Komuniti pulau merupakan penduduk yang mendiami pulau-pulau kecil terasing daripada tanah besar (Jabil et al., 2014). Dalam era globalisasi ini, komuniti pulau sering dipinggirkan disebabkan faktor jarak dari tanah besar. Kebanyakan pulau di dunia ini mempunyai banyak persamaan seperti saiz yang kecil, bilangan penduduk yang sedikit, struktur sosioekonomi yang terhad, kurang membangun, lokasi yang terpencil, sumber asas yang terhad, pasaran tempatan yang kecil dan kemudahan infrastruktur yang terbatas (Wilkinson, 1989). Komuniti pulau pada masa ini masih dalam keadaan mundur sedangkan kawasan lain sudah mengalami proses urbanisasi yang pantas dan maju. Menurut Yahaya (2002), kemajuan komuniti pulau hanyalah tempias daripada proses pembangunan pelancongan di sesebuah pulau tersebut. Pembangunan adalah berkait rapat dengan kemampuan sama ada pendidikan, pendedahan, perunggu minda, komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak dalam mewujudkan transformasi komuniti pulau (Jabil et al., 2014).

Impak Penularan Pandemik Terhadap Kesihatan Penduduk

Pandemik merupakan sebuah ancaman global yang utama dalam kesihatan pada masa ini disebabkan kewujudan Novel Coronavirus yang bermula di Wuhan, China dan menular ke seluruh dunia. World Health Organization United Nation (WHO) telah mengeluarkan suatu kenyataan bahawa wabak penyakit COVID-19 berpunca daripada sindrom pernafasan yang teruk Koronavirus 2 (SARS-Cov-2). Pesakit yang mendapat jangkitan COVID-19 akan mempunyai simptom pada peringkat awal seperti demam, pening kepala, sakit badan, batuk dan sukar bernafas serta pada peringkat yang teruk sekiranya rawatan yang diberikan lewat akan mengakibatkan kematian. Wabak pandemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan kadar kematian yang mendadak terutamanya golongan warga tua. Ini telah menyebabkan berlakunya penurunan kualiti hidup masyarakat disebabkan kes COVID-19 meningkat setiap hari. Golongan warga tua dalam lingkungan 55 tahun hingga 64 tahun dan ke atas merekodkan kes kematian tertinggi berbanding kumpulan umur yang lain. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, rekod kes kematian akibat pandemik COVID-19 di Malaysia untuk golongan warga tua adalah sebanyak 99 daripada 105 kematian (Berita Harian, 3 Mei 2020).

Impak secara langsung akibat pandemik kepada kesihatan ialah kematian. Sejarah pandemik bermula pada abad ke-14 iaitu *Black Death* dengan mencatatkan kematian kira-kira 30 - 50 peratus populasi penduduk Eropah (DeWitte, 2014). Seterusnya ialah *Spanish Flu* pada tahun

1919 - 1920 yang menyebabkan 20 - 40 juta kes kematian (Moren et al., 2009), *Asian Flu* pada tahun 1957 - 1959 melibatkan 2 juta kes kematian serta *Hong Kong Flu* pada tahun 1968 -1969 yang telah meragut 1 juta orang penduduk (Landis, 2007). Selain itu, wabak HIV/AIDS telah membunuh lebih daripada 35 juta orang sejak tahun 1981. Manakala semasa wabak Ebola Afrika berlaku pada tahun 2014, angka kematian yang direkodkan adalah sebanyak 11,300 kes dan bertambah sebanyak 10,600 kes disebabkan tahap fasiliti yang rendah di kebanyakan negara di Afrika. Hal ini ditambah dengan peningkatan wabak malaria serta HIV/AIDS yang menjadikan keseluruhan kes kematian adalah sebanyak 21,900 orang (Nita et al., 2017). Pandemik COVID-19 pula mencatatkan jangkitan lebih 35 juta orang penduduk dan kematian melebihi sejuta orang di dunia pada masa ini. Angka kematian yang meningkat setiap hari mendatangkan kebimbangan kepada seluruh penduduk dunia sehingga memaksa kebanyakan negara melaksanakan perintah darurat untuk menghalang peningkatan kes kematian oleh pandemik COVID-19. Berdasarkan sejarah pandemik dari abad ke-14 sehingga kini, jumlah angka kematian yang dicatatkan disebabkan sesuatu pandemik melebihi puluhan ribu dan sampai berjuta orang dalam tempoh masa yang singkat.

Impak kesihatan yang lain kesan penularan sesuatu pandemik seperti COVID-19 adalah kemurungan dan trauma. Peningkatan kes kematian yang dicatatkan semakin meningkat mengakibatkan penurunan motivasi diri dalam kalangan individu untuk bersemuka dengan orang luar. Kesan ini turut disebabkan oleh faktor keraguan individu untuk berkomunikasi dan lebih mementingkan kesihatan diri. Selain itu, penduduk turut terkesan dalam masalah pengambilan ubat-ubatan dan rawatan susulan di klinik atau pusat kesihatan. Hal ini disebabkan perintah berkurung yang dilaksanakan menyebabkan sumber pendapatan terjejas. Ini mempengaruhi kesihatan mental kerana didorong oleh tekanan dan kegelisahan disebabkan faktor pekerjaan dan kesunyian. Yang paling dikhuatiri adalah sekiranya keadaan ini berterusan tanpa satu langkah yang berkesan boleh menyebabkan masalah sakit jiwa dan mencederakan diri (Eikhwan & Mahirah, 2020).

Impak Penularan Pandemik Terhadap Ekonomi Penduduk

Pada masa ini, ketidakstabilan ekonomi di kebanyakan negara berada pada tahap yang agak kritikal kesan daripada peningkatan kes harian jangkitan pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Kematian penduduk dan penularan jangkitan yang tinggi menyebabkan sektor ekonomi ditutup sepenuhnya bagi mengekang wabak tersebut daripada terus merebak ke kawasan lain. Sehubungan dengan itu, aktiviti perniagaan tidak dapat beroperasi seperti biasa kerana masa operasi yang terhad dan ketiadaan pekerja. Antara sektor ekonomi yang terjejas teruk akibat penularan pandemik COVID-19 adalah industri penerbangan. Penangguhan dan pembatalan penerbangan menyebabkan industri penerbangan mengalami kemerosotan pendapatan yang kritikal. Airports Council International (ACI) menegaskan berlaku penurunan sebanyak 2 bilion orang penumpang kapal terbang sehingga tempoh pertengahan tahun 2020. Hal ini menyebabkan kerugian sebanyak 39.2 bilion USD pada pertengahan tahun dan anggaran sebanyak 97 bilion USD sepanjang tahun 2020 (Shohini, 2020). Kesan daripada itu, seramai 25 juta orang pekerja dalam sektor penerbangan terpaksa diberhentikan bagi menampung kerugian yang dialami akibat pandemik COVID-19.

Penularan wabak pandemik dalam tempoh yang lama turut melumpuhkan industri pelancongan dunia. Penutupan operasi sektor pelancongan dan perhotelan menyebabkan pihak syarikat menanggung kerugian yang besar sehingga ada antara mereka yang jatuh muflis. Di samping

itu, ramai pekerja dalam sektor pelancongan terpaksa diberhentikan akibat pandemik COVID-19. Pengecilan sektor industri pelancongan dunia pada masa ini adalah lebih 25 peratus berbanding sebelum menularnya pandemik COVID-19. Di negara Barat, contohnya di Amerika Syarikat, kehilangan pekerjaan dalam industri pelancongan menyebabkan kerugian sebanyak USD 8 juta yang memaksa pengurangan perbelanjaan dalam sektor pelancongan. Di Brazil, 80 peratus sektor perhotelan ditutup disebabkan pengurangan ketibaan pelancong sebanyak 50 peratus pada tahun 2020. Negara Perancis yang melaksanakan perintah berkurung telah menyebabkan 1 juta orang penduduk kehilangan pekerjaan dalam sektor teknikal dan 80 peratus kehilangan pekerjaan dalam industri pemakanan (Shohini, 2020).

Impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia menyebabkan para peniaga serta pengusaha mengalami kerugian yang teruk. Pulangan hasil keuntungan yang terlalu rendah menyebabkan pihak pengusaha terpaksa memberhentikan pekerja dan pemotongan separuh gaji bagi meneruskan kelangsungan perniagaan mereka. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), sebanyak 69.7% yang berkerja dalam tempoh kurang daripada setahun hanya mampu bertahan kurang daripada 1 bulan dalam menguruskan simpanan kewangannya. Bagi yang berkerja selama 4 - 10 tahun pula dapat bertahan selama 2 bulan dan yang telah berkerja 21 - 30 tahun mampu menguruskan kewangan selama 4 bulan sewaktu PKP dilaksanakan. Hal ini memberikan kesan kepada ekonomi penduduk. Sebagai contoh, sekatan pergerakan menyebabkan golongan nelayan tidak dapat ke laut sekali gus kehilangan punca pendapatan bagi menyara hidup keluarga. Dalam kes tertentu, berlaku peningkatan kos belanja dapur disebabkan bilangan ahli keluarga yang ramai semasa tempoh berada di rumah sepanjang PKP tidak dapat ditampung sepenuhnya oleh ketua keluarga.

Impak Penularan Pandemik Terhadap Sosial Penduduk

Penularan pandemik COVID-19 menyebabkan penduduk di seluruh dunia berkurung di rumah bagi membendung penularan wabak tersebut. Salah satu impak sosial pandemik ini adalah dari aspek hubungan kekeluargaan. Di Perancis, tekanan yang dihadapi disebabkan masalah kewangan telah meningkatkan kes keganasan rumah tangga sebanyak 32 peratus dalam tempoh seminggu sahaja setelah perintah berkurung dikuatkuasakan. Manakala di China dalam daerah Xian dan Dazhou, jumlah kes penceraian dalam tempoh perintah berkurung adalah meningkat secara mendadak, Di Sichuan sahaja, sebanyak 300 pasangan telah bercerai (Eikhwan & Mahirah, 2020). Tekanan yang berlaku adalah tindak balas akibat krisis kewangan yang dihadapi yang turut mendorong berlakunya kes pukul, lari dari rumah dan bunuh diri. Di Malaysia, laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan dalam tempoh 18 sehingga 31 Mac 2020 iaitu semasa awal pelaksanaan PKP, sebanyak 336 aduan mengenai kes penderaan fizikal, mental, emosi dan seksual yang melibatkan keganasan rumah tangga direkodkan.

Penularan wabak pandemik COVID-19 telah memaksa sebahagian besar penduduk di Malaysia berkerja dari rumah semasa awal pelaksanaan PKP. Menurut Mohd Azizan dan Zaimah (2020), seramai 77% daripada responden kajian mengakui kesukaran untuk berkerja dari rumah. Kesukaran yang berlaku disebabkan oleh cabaran dari aspek keterbatasan akses internet, isu komunikasi dengan rakan sekerja, gangguan daripada anak-anak dan kurangnya tumpuan yang khusus disebabkan berkerja di luar kawasan pejabat. Ini menyebabkan terdapat dari kalangan mereka yang kurang produktif dengan kerja yang diarahkan. Kurangnya hubungan secara bersemuka dengan orang lain menyebabkan interaksi sosial antara dua hala

sewaktu pandemik COVID-19 adalah berkurangan. Hal ini mengakibatkan hubungan sosial antara dua pihak semakin menurun. Selain itu, peningkatan kadar kelahiran turut dipengaruhi oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini. Kajian oleh Mohd Azizan dan Zaimah (2020) menunjukkan jangkakan berlaku peningkatan jumlah kelahiran luar biasa pada bulan Januari tahun 2021. Hal ini disebabkan oleh tempoh masa bersama pasangan yang lebih lama di rumah dan tidak dapat melakukan aktiviti luar sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan.

Impak Pandemik COVID-19 terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau

Penularan pandemik COVID-19 didapati memberi impak yang mendalam kepada komuniti pulau di Malaysia. Perintah kawalan pergerakan yang berlarutan dalam tempoh lebih enam bulan telah mempengaruhi corak kehidupan komuniti dari kehidupan yang biasa kepada norma baharu. Untuk itu, sorotan literatur dan tinjauan awal telah dilakukan untuk meneliti impak pandemik terhadap kesejahteraan komuniti pulau dari tiga aspek iaitu kesihatan, ekonomi dan sosial. Dalam kajian ini, pengukuran kesejahteraan melibatkan perubahan kualiti gaya hidup komuniti serta kesejahteraan emosi dan kesengsaraan fizikal dan mental komuniti dalam menghadapi pandemik COVID-19 dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia.

Kesihatan

Parameter kesejahteraan komuniti pulau dapat diteliti dari aspek penjagaan dan pengurusan kesihatan. Antaranya adalah kesukaran untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan dan rawatan di hospital, klinik kerajaan dan swasta dalam tempoh kawalan pergerakan tersebut. Ini lebih dirasai oleh penduduk pulau yang terletak jauh dari tanah besar. Sehubungan dengan itu, sepanjang tempoh perintah berkurung di rumah dilaksanakan, beberapa pendekatan digunakan oleh pihak kesihatan dalam memberikan ubat kepada pesakit luar. Terdapat empat kaedah yang digunakan iaitu melalui pos laju, pandu laju, *locker4u* dan sistem temu janji farmasi (Berita Harian, 2020a). Selain itu, temu janji rawatan kesihatan turut dilakukan dalam tempoh PKP. Namun begitu, pada awal pelaksanaan PKP, temu janji rawatan kesihatan berkala tidak dapat diteruskan kerana penduduk merasa bimbang untuk menerima rawatan disebabkan mereka mungkin terdedah dengan pelbagai jangkitan penyakit terutamanya COVID-19. Dalam kes ini, penduduk pulau yang terkesan adalah dari kalangan bayi, kanak-kanak dan warga tua. Pesakit golongan warga tua dan bayi adalah tidak digalakkan untuk ke pusat kesihatan. Sebaliknya, rawatan susulan disarankan diambil selepas PKP bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 terhadap dua kumpulan umur berkenaan (Berita Harian, 2020b).

Pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada tahap kemurungan dan gangguan emosi individu dalam komuniti pulau. Komuniti pulau merupakan komuniti yang terasing dan terpinggir dari arus pembangunan. Faktor jarak dari tanah besar dan sekatan akses perjalanan menggunakan mod pengangkutan air menjadi faktor yang menghadkan pergerakan mereka. Aktiviti sektor ekonomi yang terhenti sepanjang tempoh duduk diam di rumah menyebabkan komuniti pulau tidak dapat melakukan aktiviti ekonomi yang betul-betul produktif. Ini mendorong kepada meningkatkan rasa tertekan, kecewa dan bimbang dalam kalangan penduduk pulau. Realitinya, penularan pandemik COVID-19 banyak mengubah segmen kehidupan pelbagai lapisan masyarakat. Bukan sahaja individu yang dijangkiti dan disahkan positif COVID-19 yang merasa kemurungan tetapi orang awam turut merasai keperitan hidup dalam mengharungi pandemik COVID-19. Kehilangan pekerjaan dan kemiskinan yang

dihadapi menyebabkan berlakunya tekanan (*stress*) dan keadaan ini akan membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan, keresahan dan lebih teruk akan membawa kepada berlakunya kecelaruan bipolar dan skizofrenia (Eikhwan & Mahirah, 2020).

Isu peningkatan dan penurunan berat badan sepanjang tempoh kawalan pergerakan terhadap penduduk pulau turut boleh diteliti, apatah lagi jika tempoh kawalan pergerakan berlarutan dalam tempoh yang panjang. Ini didorong oleh faktor ketidaktentuan masa pengambilan makanan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan menyebabkan penduduk pulau mengalami perubahan berat badan. Menurut Rozita (2020), obesiti semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan gaya pemakanan tidak dijaga. Wujudnya risiko yang tinggi dalam menghadapi penyakit baharu akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik COVID-19. Selain itu, kekangan untuk menjalani rawatan di hospital dan kurangnya penyimpanan ubat-ubatan menyebabkan risiko penyakit baharu sangat mudah untuk menjangkiti penduduk di pulau. Ditambah lagi, dengan pengambilan makanan yang tidak seimbang serta kurangnya aktiviti riadah mendorong kepada kewujudan penyakit baharu. Namun begitu, kajian lanjut terhadap perkaitan antara peningkatan dan penurunan berat badan dalam kalangan penduduk pulau perlu dikaji dengan lebih lanjut.

Ekonomi

Pandemik COVID-19 yang menular di seluruh dunia telah menjejaskan aktiviti penjaan ekonomi sehingga mengalami kemerosotan yang serius. Malaysia turut terkesan akibat aktiviti ekonomi yang perlahan dalam tempoh arahan kawalan pergerakan penduduk sepanjang penularan COVID-19. Dalam konteks komuniti pulau, sekatan pergerakan dari pulau ke tanah besar, langkah menghadkan bilangan penumpang dan kekerapan perjalanan turut menjejaskan ekonomi tempatan. Bekalan barang runcit yang dijual di pulau semakin berkurangan dan seterusnya menyebabkan kenaikan harga. Peniaga runcit terpaksa menaikkan harga barangan untuk mengaut sedikit keuntungan dan sebagai modal pusingan untuk membeli barangan runcit. Kesan daripada itu, penduduk pulau menghadapi kesukaran untuk membeli barang keperluan seharian mereka, bukan sahaja stok barang dijual sudah habis malah harganya pun meningkat. Lebih memburukkan keadaan apabila jumlah penumpang dan bilangan pergerakan bot dihadkan menyebabkan masa menunggu semakin lama berbanding biasa.

Selain itu, perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini turut meningkat dengan ketara. Harga barang runcit yang tinggi dan kenaikan harga bot penambang menyebabkan perbelanjaan seisi keluarga meningkat. Ditambah pula, arahan PKP yang dikuat kuasa di perairan sekitar pulau menyebabkan kebanyakan ketua isi rumah kehilangan sumber rezeki bagi menampung perbelanjaan dapur dalam tempoh perintah berkurung tersebut. Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melaporkan bahawa perbelanjaan makanan dan minuman meningkat sebanyak 27 peratus iaitu 18 peratus sebelum PKP dan 44 peratus semasa PKP. Tambahan pula, kawasan pulau yang jauh dari daratan menyebabkan bantuan daripada pihak kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan (NGO) tidak dapat disalurkan dengan lebih cekap dan kerap.

Bagi penduduk pulau, impak paling ketara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah kehilangan pekerjaan dalam sektor ekonomi terutamanya dalam aktiviti perikanan, pertanian dan pelancongan. Sebagai contoh, penduduk di Pulau Redang, Terengganu telah

kehilangan pekerjaan sebagai nelayan dan petani sewaktu tempoh PKP dilaksanakan. Sebanyak 80 peratus penduduk di pulau berkenaan terjejas kesan kehilangan pekerjaan akibat penularan pandemik COVID-19 di negara ini (Ahmad, 2020). Di Pulau Gaya, Sabah pula yang terletak sekitar 5 - 6 minit perjalanan menaiki bot penambang ke tanah besar, kebanyakan belia yang bekerja di pelbagai premis perniagaan di Bandaraya Kota Kinabalu seperti di gedung membeli-belah, restoran dan pelbagai pusat perkhidmatan lain terpaksa diberhentikan sepanjang tempoh PKP. Kebanyakan pengusaha perniagaan di bandaraya ini menghadkan bilangan pekerja mereka. Sebagai contoh, restoran pada sebelum penularan COVID-19 memiliki 8 - 9 orang pekerja, terpaksa dikurangkan menjadi 2 - 3 orang sahaja untuk melayan pelanggan yang membeli makanan di hadapan restoran kerana dalam tempoh PKP itu, semua premis restoran tidak dibenarkan dibuka untuk pelanggan makan di situ.

Seterusnya, pembatalan dan penangguhan penerbangan pelancongan dari China dan Taiwan menyebabkan pelancongan pulau khususnya di Semporna mengalami kerugian lebih dari RM80 000 ribu bagi setiap pengusaha. Kesannya turut dialami oleh pekerja melalui potongan gaji sekurang-kurangnya 50 peratus atau tiada gaji (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Selain itu, aktiviti nelayan kecil turut diberhentikan semasa PKP menyebabkan komuniti pulau kehilangan punca pendapatan bagi menyara hidup isi rumah. Komuniti pulau masih mengamalkan ekonomi sara diri tradisional dan sebahagian daripada penduduknya terlibat sebagai pekerja dalam sektor pelancongan. Kebanyakan penduduk pulau terlibat sebagai pemandu bot pelancong, *dive master* serta pekerja pengemas bilik, kedai cenderamata, pembantu dapur, pengawal keselamatan dan pekerja am di resort pulau. Di Semporna, terdapat beberapa pulau yang popular untuk sektor pelancongan seperti Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Kapalai, Pulau Sibuan dan Pulau Mataking. Untuk menyara hidup sepanjang tempoh PKP, ketua isi rumah terpaksa melakukan beberapa aktiviti ekonomi alternatif sebagai norma baharu seperti membaiki pukut yang rosak, membuat alat menangkap ikan dan menjual kraftangan berdasarkan hasil laut. Di Pulau Tinggi Johor, komuniti pulau menghasilkan ubat tradisional yang dihasilkan dari akar kayu bagi menjana pendapatan yang terjejas akibat penularan COVID-19 (Nurul Amanina, 2020).

Sosial

Terdapat beberapa impak sosial yang dihadapi oleh penduduk pulau sepanjang tempoh arahan perintah kawalan pergerakan kesan penularan pandemik COVID-19 di Malaysia. Antara implikasinya terhadap kesejahteraan komuniti pulau dari segi sosial adalah dari aspek jalinan hubungan dalam kalangan keluarga dan jiran. Memandangkan setiap orang disarankan berada di rumah sepanjang tempoh PKP, maka ahli keluarga penduduk pulau akan berada di rumah dan hubungan mereka semakin erat. Bagi ahli keluarga yang tidak dapat balik ke pulau, mereka sentiasa berhubung untuk bertanyakan khabar masing-masing sepanjang tempoh berkenaan. Menurut Muhammad Yusri (2020), jalinan kasih turut terbina melalui ikatan mesra dengan meluangkan masa bersama ahli keluarga yang dapat membantu masalah suami isteri sehingga menyebabkan keakraban silaturahmi semakin utuh. Ini mendorong setiap ahli keluarga menjaga kesihatan dan keselamatan sejajar dengan aspirasi yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Malaysia melalui slogan 'Kita Jaga Kita'. Langkah kawalan pergerakan turut mengurangkan interaksi antara jiran di pulau kerana mereka tidak boleh bebas bergerak sepanjang tempoh PKP tersebut.

Impak sosial lain yang mempengaruhi kesejahteraan komuniti pulau adalah dari segi pengurusan dan pembuangan sampah. Oleh kerana pergerakan penduduk dikawal, sampah yang ada di rumah dikumpul sama ada dibuang ke laut atau dilonggokkan di daratan pulau. Memandangkan kebanyakan pulau tidak memiliki sistem perlupusan sampah yang baik, maka banyak sampah yang berlonggok di darat dan hanyut di pantai pulau. Sebagai contoh, Pulau Gaya di Kota Kinabalu dan Pulau Bum Bum di Semporna, Sabah. Ini mengundang masalah bau dan pencemaran pantai di pulau berkenaan.

Penganjuran aktiviti sosial sepanjang tempoh pandemik COVID-19 terpaksa ditangguh dan dibatalkan serta-merta terutamanya pada awal fasa pelaksanaan perintah kawalan pergerakan dahulu. Ia bertujuan untuk memutuskan rangkaian penularan virus COVID-19 di negara ini. Untuk itu, aktiviti sosial seperti majlis perkahwinan dan kenduri-kendara terpaksa ditangguh manakala pengebumian dan majlis tahlil pula hanya melibatkan ahli keluarga terdekat dan solat Jumaat tidak dibenarkan. Seterusnya, aktiviti rekreasi seperti permainan bola tampar dan futsal serta penganjuran gotong-royong turut tidak dibenarkan. Aktiviti sosial yang dihentikan dalam tempoh PKP menyebabkan suasana persekitaran pulau agak lengang.

Kesimpulan

Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 dan seterusnya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikuatkuasakan sehingga 31 Disember memberikan impak yang signifikan kepada penduduk di Malaysia. Dalam konteks pulau, tempoh perintah kawalan pergerakan yang panjang didapati mempengaruhi kesejahteraan komuniti sama ada dari aspek kesihatan, ekonomi dan sosial. Huraian literatur ini adalah berdasarkan tinjauan awal dan sorotan literatur tentang impak penularan COVID-19 di negara ini. Untuk itu, suatu penyelidikan khusus tentang impak perintah kawalan pergerakan terhadap kesejahteraan komuniti pulau di Sabah sedang dijalankan yang melibatkan empat pulau iaitu Pulau Gaya di Kota Kinabalu, Pulau Mantanani di Kota Belud, Pulau Sakar di Lahad Datu dan Pulau Selakan di Semporna. Justeru, diharapkan dapatan kajian ini dapat menyumbang terhadap dokumentasi tentang sejauh mana pelaksanaan PKP sepanjang penularan COVID-19 mempengaruhi kesejahteraan komuniti pulau di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana Khas [SDK0139-2020] yang bertajuk “Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik Covid-19 terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau di Negeri Sabah”.

Rujukan

- Adriaansens, H. (1994). Citizenship, work and welfare. In Steenberg, B. V. (Ed.). *The Condition of Citizenship*. London: Sage Publication.
- Ahmad Rabiul Zulkifli. (2020). Pastikan penduduk ada makanan. MyMetro Online. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/561781/kami-akan-pastikan-semua-penduduk-ada-makanan> Diakses pada 13 Oktober 2020.
- Anggraeni, R. A. (1996). Kesejahteraan sosial dalam perspektif pembangunan berwawasan martabat manusia. Dlm. M. Zainuddin Fananie (Ed.). *Pembangunan Berwawasan*

- Martabat Manusia*. Jawa Tengah: Muhammadiyah University Press, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Berita Harian. (3 Mei, 2020). Kes Kematian Diklasifikasikan Semula. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/736386/covid-19-kes-kematian-diklasifikasikan-semula> Diakses pada 29 September 2020.
- Berita Harian (2020a). COVID-19: Warga emas, bayi boleh tangguh temujanji. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668699/covid-19-warga-emas-bayi-boleh-tangguh-temujanji> Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Berita Harian. (2020b). COVID-19: Pesakit disaran guna VAS untuk ubat susulan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674092/covid-19-pesakit-disaran-guna-vas-untuk-ubat-susulan> Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Bogoch II, W. A., Thomas-Bachli, A., Huber, C., Kraemer, M.U., Khan K. (2020). Pneumonia of unknown etiology in Wuhan, China: Potential for international spread via commercial air travel. *Journal of Travel Medicine*, 2020.
- CGTN. (2020). *Things you need to know about the world's largest human migration*. <https://news.cgtn.com/news/2020-01-19/What-is-the-world-s-largest-human-migration-N-Nmsd7OcJ8Y/index.html>. Diakses pada 29 Mac 2020.
- Chua Bee Seok, Saidatul Nornis Mahali & Getrude Cosmas. (2018). *Apakah yang kita faham mengenai kesejahteraan kanak-kanak? Kajian kes di Pulau Gaya, Sabah*. Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil (SIRC), Universiti Malaysia Sabah.
- DeWitte S N. (2014). Mortality risk and survival in aftermath of the Medieval Black Death. *PLoS One*, 9 (5).
- Eikhwan Ali & Mahirah A. Rashid. (2020). *Pandemik COVID-19: Mendepani Impak Psikososial*. Terengganu Strategic & Integrity Institute.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Kajian Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada Perbelanjaan Isi Rumah*. Jabatan Perangkaan Malaysia 2020.
- Jabil Mapjabil, Yahaya Ibrahim & Tan Wan Hin. (2014). *Pelancongan Pulau di Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussien Onn.
- Jiao Zhao, Yan Yang, Hanping Huang, Dong Li, Dongfeng Gu, Xiangfeng Lu, Zheng Zhang, Lei Liu, Ting Liu, Yukun Liu, Yunjiao He, Bin Sun, Meilan Wei, Guangyu Yang, Xinghuan Wang, Li Zhang, Xiaoyang Zhou, Mingzhao Xing & Peng George Wang. (2020). *Relationship between the ABO blood group and the COVID-19 susceptibility*. PubPeer, 19 March 2020. <https://www.medrxiv.org>. Diakses pada 29 September 2020.
- Jonathan, M. R., Jessica, R. E. B., Derek A.T. C., Antonia Ho & Chris, P. J. (2020). *Novel coronavirus 2019-nCoV: Early estimation of epidemiological parameters and epidemic predictions*. <https://www.medrxiv.org>. Diakses pada 29 Mac 2020.
- Landis, M. (2007). *Pandemic Influenza: A Review*. Vol. 33, 24.
- Midgley, J. (1995). *Social Development: The Developmental Perspective in Social Welfare*. London: Sage Publication.
- Mohd Azizan Mohd Daud & Zaimah Ramli. (2020). *Impak COVID-19 terhadap Pertumbuhan Penduduk Malaysia*. Demografi dan Pembangunan Modal Insan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morens, D. M., Folkers, G. K. & Fauci, A. S. (2009). What is a pandemic? *J Infect Dis*, 200 (7), 1018-1021.
- Muhammad Yusri Muzzamir. (2020). COVID-19: Perintah kawalan pergerakan, masa eratkan hubungan kekeluargaan. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasion->

- nal/2020/03/667236/covid-19-perintah-kawalan-pergerakan-masa-eratkan-hubungan
Diakses pada 15 Oktober 2020.
- Nita Madhav, Oppenheim, B. & Gallivan, M. (2014). *Pandemic: Risk, Impacts and Mitigation*. The International Bank for Reconstruction and Development, Washington (DC).
- Nurul Amanina Suhaini. (2020). Sumber alam alternatif kelangsungan hidup. *Berita Harian Online*. <https://origin.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/679307/sumber-alam-alter-natif-kelangsungan-hidup>. Diakses pada 12 Oktober 2020.
- Rozita Talha. (2020). Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Shohini Roy. (2020). *Economic Impact of COVID-19 Pandemic*. Purdue University.
- Tan, W., Zhao, X., Ma, X., Wang, W., Niu, P., Xu, W., et al. (2020). A novel coronavirus genome identified in a cluster of pneumonia cases - Wuhan, China 2019–2020. *China CDC Weekly*, 2(4): 61-62.
- Tony Hiroshi Katsuragawa, Luix Herman Soares Gil, Mauro Shugiro Tada & Luiz Hildebrano Pereira Da Silva. (2008). Endemic and epidemic diseases in Amazonia. *Estudos Avancados*, 22 (64).
- Wilkinson P.F. (1989). Strategies for tourism in island Microstates. *Annals of Tourism Research*, 16 (2) 153-175.
- World Health Organization. (2011). The classical definition of a pandemic is not elusive. *Bull. World Health Organ.*, 89 (7), 540541.
- World Health Organization. (2020). *Coronavirus Update*. <https://www.worldometer.info>. Diakses pada 28 September 2020.
- Yahaya Ibrahim. (2002). Dari samudera ke daratan: Transformasi sektor ekonomi komuniti nelayan tradisi. Dlm. Jabil Mapjabil, Yahaya Ibrahim & Tan Wan Hin (Eds.) (2014). *Pelancongan Pulau di Malaysia*. Batu Pahat : Penerbit Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.